

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK SISWAZAH 2023

"Malaysia mencatatkan 5.74 juta siswazah, meningkat 4.2 peratus dengan lebih dua pertiga bekerja dalam kategori Mahir pada 2023"

PUTRAJAYA, 24 DISEMBER 2024 – Malaysia mencatatkan 5.74 juta siswazah, meningkat 4.2 peratus dengan lebih dua pertiga bekerja dalam kategori Mahir pada tahun 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam siaran **Statistik Siswazah 2023**. Laporan ini membentangkan statistik berkenaan kedudukan siswazah di dalam pasaran buruh mengikut pecahan demografi dan sosio-ekonomi pada 2023. Siswazah dalam laporan ini ditakrifkan sebagai individu yang memperoleh sijil tertinggi daripada universiti, kolej, politeknik, badan yang diiktiraf atau setaraf, dengan tempoh pengajian sekurang-kurangnya dua tahun.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Persekitaran ekonomi dan pasaran buruh yang positif sepanjang tahun 2023 telah menyumbang kepada peningkatan bilangan siswazah yang kini merangkumi 5.74 juta orang atau 22.3 peratus daripada penduduk umur bekerja 15 tahun dan ke atas. Daripada jumlah ini, 4.92 juta orang merupakan siswazah yang aktif dalam tenaga buruh, seterusnya mencatatkan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Siswazah (KPTBS) yang tinggi pada 85.7 peratus. Pemegang ijazah mewakili 54.4 peratus (3.12 juta orang), manakala pemegang diploma menyumbang 45.6 peratus (2.62 juta orang). Berdasarkan perbandingan tahun ke tahun, bilangan siswazah ijazah dalam tenaga buruh meningkat sebanyak 5.4 peratus, manakala pemegang diploma menunjukkan peningkatan 3.5 peratus, didorong oleh peluang pekerjaan yang lebih baik dan pengangguran yang lebih rendah."

Pada 2023, siswazah bekerja meningkat sebanyak 4.9 peratus kepada 4.76 juta orang berbanding 4.53 juta orang pada 2022 seiring dengan pertumbuhan pasaran buruh Malaysia yang lebih baik. Kira-kira dua pertiga atau 67.6 peratus siswazah bekerja dalam kategori pekerjaan Mahir iaitu seramai 3.21 juta orang, dengan sebahagian besarnya bekerja sebagai Profesional (57.4%), diikuti oleh Juruteknik dan Profesional Bersekutu (24.2%) dan Pengurus (18.5%). Siswazah bekerja dalam kategori Separuh mahir pula menyumbang 31.3 peratus atau 1.49 juta orang daripada jumlah siswazah

bekerja, manakala mereka yang bekerja dalam kategori Berkemahiran rendah hanya mewakili 1.1 peratus (51.8 ribu orang). Siswazah bekerja dalam kategori Mahir dan Separuh mahir masing-masing merekodkan pertumbuhan positif sebanyak 7.8 peratus dan 0.2 peratus berbanding 2022, manakala kategori Berkemahiran rendah mencatatkan penurunan sebanyak 22.0 peratus.

Mengulas lanjut, Ketua Perangkawan berkata, "Dari segi taraf pekerjaan bagi siswazah bekerja, kategori Pekerja merupakan penyumbang tertinggi dengan komposisi 87.4 peratus mencapai 4.16 juta orang pada 2023, meningkat 4.1 peratus tahun ke tahun. Kategori Majikan yang mewakili 5.3 peratus menunjukkan peningkatan ketara sebanyak 9.3 peratus, berjumlah 251.4 ribu orang. Begitu juga, bilangan siswazah bagi kategori Bekerja sendiri yang menyumbang 6.5 peratus daripada siswazah bekerja, meningkat sebanyak 13.5 peratus kepada 310.7 ribu orang pada 2023. Sementara itu, Pekerja keluarga tanpa gaji menyumbang baki 0.8 peratus dengan merekodkan 37.6 ribu orang pada 2023.

Dari segi sektor ekonomi, sebahagian besar siswazah bekerja dalam sektor Perkhidmatan, yang menyumbang 77.5 peratus daripada jumlah siswazah bekerja, merekodkan seramai 3.69 juta orang. Ini diikuti oleh sektor Pembuatan (13.4%) dengan 637.9 ribu orang dan sektor Pembinaan (6.3%) dengan 301.1 ribu orang. Selebihnya sektor Pertanian (1.7%) dan sektor Perlombongan & pengkuarian (1.0%) masing-masing mencatatkan 83.0 ribu orang dan 46.8 ribu orang.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan, "Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran kekal menjadi cabaran, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di peringkat global. Malaysia telah mengambil langkah dalam menangani guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran dan seterusnya menunjukkan komitmen dalam menyelaraskan kelayakan tenaga kerja dengan keperluan pasaran buruh. Pada 2023, jumlah siswazah bekerja di bawah kelayakan menurun sebanyak 0.7 peratus kepada 1.54 juta orang, menjadikan kadar guna tenaga tidak penuh siswazah berkaitan kemahiran turun kepada 32.4 peratus. Pencapaian ini meletakkan Malaysia di hadapan negara seperti Indonesia (44.4%), Korea Selatan (37.4%), dan Vietnam (35.0%), menunjukkan usaha dalam mengurangkan ketidaksepadanan kemahiran. Walaupun Malaysia masih berada di belakang negara maju seperti Australia (26.5%), Amerika Syarikat (26.1%), dan United Kingdom (20.3%), trend penurunan ini menunjukkan potensi untuk penambahbaikan di masa akan datang." **[Carta 1]**

Individu yang lebih muda, terutamanya mereka yang berumur 24 tahun ke bawah, sering berada dalam kategori guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran yang lebih tinggi kerana mereka lebih cenderung menerima pekerjaan di bawah kelayakan mereka untuk menimba pengalaman, membina resume yang lebih baik, memperoleh pendapatan dan mengukuhkan kedudukan dalam pasaran buruh. Sebaliknya, individu berumur 45 tahun ke atas sering menunjukkan kadar guna tenaga tidak penuh

berkaitan kemahiran yang lebih rendah, disebabkan oleh pengalaman dan kemahiran serta rangkaian profesional yang telah terbina memudahkan mereka untuk memperoleh peluang pekerjaan yang lebih sesuai dan stabil, selari dengan kelayakan mereka."

Aspek lain bagi guna tenaga tidak penuh adalah termasuk siswazah bekerja kurang daripada 30 jam seminggu kerana keadaan kerja atau kerja yang tidak mencukupi, tetapi berkeupayaan dan sanggup menerima tambahan jam. Seiring dengan perkembangan ekonomi yang pesat, bilangan siswazah dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan masa mencatatkan penurunan signifikan 52.5 peratus tahun ke tahun untuk merekodkan 35.5 ribu orang. Selaras itu, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa dalam kalangan siswazah turun kepada 0.7 peratus, daripada 1.7 peratus pada 2022.

Meskipun Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) perempuan di peringkat nasional mencatatkan 56.2 peratus pada 2023, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Siswazah (KPTBS) untuk perempuan berada pada paras lebih tinggi pada 83.2 peratus. Secara keseluruhan, KPTBS nasional pada 2023 ialah 85.7 peratus, menunjukkan peningkatan sebanyak 0.3 mata peratus berbanding 85.4 peratus pada 2022. Sementara itu, KPTBS bagi lelaki meningkat 0.5 mata peratus kepada 88.6 peratus berbanding 88.1 peratus pada 2022. Pada peringkat negeri, enam negeri mencatatkan KPTBS yang lebih tinggi daripada purata nasional pada tahun 2023, dengan Johor mendahului pada 90.0 peratus, diikuti oleh Selangor (88.7%), W.P. Kuala Lumpur (88.1%), W.P. Labuan (87.4%), Sabah (87.0%), dan W.P. Putrajaya (86.0%).

Melihat kepada situasi pengangguran sepanjang tahun, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Kadar pengangguran siswazah mencatatkan penurunan sebanyak 0.3 mata peratus kepada 3.4 peratus berbanding 3.7 peratus pada tahun sebelumnya. Sehubungan itu, bilangan siswazah yang menganggur turun sebanyak 4.3 peratus kepada 167.3 ribu orang pada 2023 daripada 174.8 ribu orang pada tahun 2022. Berdasarkan analisis lanjut mengikut pensijilan menunjukkan bilangan siswazah Ijazah yang menganggur turun sebanyak 4.6 peratus kepada 91.6 ribu orang (2022: 96.0 ribu orang), manakala bilangan siswazah Diploma yang menganggur turut mencatatkan penurunan sebanyak 3.8 peratus kepada 75.8 ribu orang (2022: 78.8 ribu orang). Situasi yang optimistik ditunjukkan oleh penganggur aktif siswazah yang memperoleh pekerjaan dalam tempoh tiga bulan pertama dengan pertumbuhan positif sebanyak 16.0 peratus dalam tempoh pengangguran kurang daripada tiga bulan. Sebaliknya, terdapat 14.3 peratus siswazah berada di luar tenaga buruh pada 2023 yang antaranya disebabkan oleh kerja rumah/tanggungjawab keluarga (34.5%), diikuti oleh masih belajar/program latihan (30.6%)."

Mengulas secara ringkas berkaitan gaji dan upah yang diterima oleh siswazah, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Gaji dan upah yang lebih tinggi direkodkan untuk siswazah pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya, di mana penengah

gaji dan upah bulanan dalam pekerjaan utama sepenuh masa mereka meningkat sebanyak 3.4 peratus kepada RM4,409 (2022: RM4,265). Ketiga-tiga tahap kemahiran pekerjaan menunjukkan peningkatan penengah gaji dan upah yang positif. Penengah gaji dan upah bulanan bagi siswazah dalam kategori pekerjaan Mahir meningkat 3.6 peratus mencecah RM5,663 (2022: RM5,467). Manakala penengah gaji dan upah bagi kategori Separuh mahir meningkat 4.3 peratus kepada RM2,375 (2022: RM2,276). Sementara itu, kategori Berkemahiran rendah mencatatkan peningkatan penengah gaji dan upah sebanyak 1.9 peratus untuk merekodkan RM1,915 (2022: RM1,880)."

Semua negeri mencatatkan pertumbuhan positif dalam penengah dan purata gaji dan upah bulanan siswazah pada tahun 2023 berbanding 2022. Tiga negeri dengan penengah gaji dan upah siswazah tertinggi adalah W.P. Kuala Lumpur sebanyak RM5,694, mencatatkan pertumbuhan 8.0 peratus tahun ke tahun, diikuti oleh W.P. Putrajaya (RM4,963) dengan kenaikan 4.4 peratus dan Selangor (RM4,792) dengan pertumbuhan 1.2 peratus. Bagi purata gaji dan upah bulanan siswazah tertinggi, W.P. Putrajaya mendahului pada RM6,084, diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur (RM5,779) dan Selangor (RM5,356), masing-masing mencatatkan pertumbuhan 7.1 peratus, 4.0 peratus, dan 4.7 peratus tahun ke tahun. Negeri-negeri ini berperanan sebagai pusat ekonomi dan pentadbiran utama menawarkan tumpuan pekerjaan dengan gaji tinggi, terutamanya di kawasan bandar yang mendorong pertumbuhan gaji yang kukuh dan menjadi tumpuan siswazah yang berkemahiran. **[Carta 2]**

Dalam menyimpulkan penemuan statistik siswazah pada tahun 2023, Ketua Perangkawan berkata, "Di sebalik ketidaktentuan ekonomi global pada masa kini, pasaran buruh Malaysia terus mengekalkan daya tahan yang tinggi pada tahun 2023, disokong oleh pelaksanaan berterusan Rancangan Malaysia Ke-12 yang memberi tumpuan kepada pembangunan tenaga kerja berkemahiran tinggi demi memacu pertumbuhan ekonomi negara. Berdasarkan Belanjawan 2024, kerajaan terus menyokong kebijakan pelajar melalui pembiayaan yuran universiti yang berpatutan dan pelaksanaan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kebolehpasaran siswazah. Menuju ke hadapan, usaha untuk menyelaraskan pendidikan dengan permintaan pasaran kerja, dan pengintergrasian alat pembelajaran berasaskan kecerdasan buatan (AI) akan memastikan siswazah di masa hadapan bersedia untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan inovasi Malaysia yang mampan."

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 24 Disember 2024

Data siri masa dan maklumat lanjut mengenai pasaran buruh boleh diperolehi melalui portal Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) dengan melayari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau mengimbas kod QR di bawah, ataupun mengakses eStatistik DOSM di <https://www.dosm.gov.my/portal-estatistik>.



Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
24 DISEMBER 2024**

Carta 1: Kadar guna tenaga tidak penuh siswazah berkaitan kemahiran mengikut negara terpilih, 2023


■ Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran (%)

Peratus (%)




Sumber: Pengiraan berdasarkan daripada *ILOSTATS database, 2023*

Carta 2: Penengah dan purata gaji dan upah bulanan siswazah mengikut negeri, Malaysia, 2023




Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 24 Disember 2024

Carta 3: Statistik utama siswazah, Malaysia, 2022 & 2023




Carta 4: Statistik utama siswazah mengikut sijil, Malaysia, 2022 & 2023




Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 24 Disember 2024


Carta 5: Guna tenaga tidak penuh siswazah berkaitan kemahiran, Malaysia, 2020 – 2023



Carta 6: Guna tenaga tidak penuh siswazah berkaitan masa, Malaysia, 2020 – 2023



Carta 7: Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah dan kadar pengangguran, Malaysia, 2020 – 2023



MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

GRADUATES STATISTICS 2023

"Malaysia registered 5.74 million graduates, increased 4.2 per cent with more than two-thirds employed in Skilled occupation in 2023"

PUTRAJAYA, DECEMBER 24th, 2024 – Malaysia registered 5.74 million graduates, increased 4.2 per cent with more than two-thirds employed in Skilled occupation in 2023, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) stated today in the release of **Graduates Statistics 2023**. The report describes the statistics of overall graduates in the labour market in 2023 by demographic and socio-economic characteristics. Graduates in this report are defined as individuals with the highest certificate obtained from universities, colleges, polytechnics, recognised bodies or equivalent, with a study duration of at least two years.

According to Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "A positive economic and labour market environment throughout 2023 has contributed to the increase in the number of graduates, registering 5.74 million persons or 22.3 per cent of the working-age population of 15 years and above. Out of the total graduates, 4.92 million persons were active in the labour force, reflecting a Graduate Labour Force Participation Rate (GLFPR) of 85.7 per cent. Degree holders represent 54.4 per cent (3.12 million persons), while diploma holders account for 45.6 per cent (2.62 million persons). The number of degree graduates in the labour force rose by 5.4 per cent, while diploma holders saw a 3.5 per cent increase on year-on-year growth, driven by improved employment opportunities and lower unemployment."

In 2023, Employed graduates grew by 4.9 per cent to 4.76 million persons compared to 4.53 million persons in 2022, as Malaysia fostered a healthier labour market. Around two-thirds or 67.6 per cent of graduates were employed in the Skilled occupation category, accounting for 3.21 million persons, with the highest proportion working as Professionals (57.4%) followed by Technicians and Associate Professionals (24.2%) and Managers (18.5%). Employed graduates in Semi-skilled roles accounted for

31.3 per cent or 1.49 million persons of graduate employment, while those employed in the Low-skilled category represented just 1.1 per cent (51.8 thousand persons). Employed graduates in Skilled and Semi-skilled categories recorded a positive growth of 7.8 per cent and 0.2 per cent, respectively, compared to 2022, while the Low-skilled category registered a notable decline of 22.0 per cent.

Elaborating further, the Chief Statistician said, "In terms of status of employment for employed graduates, the Employees category accounted for 87.4 per cent reaching 4.16 million persons in 2023, a 4.1 per cent increase year-on-year. The Employers category, representing 5.3 per cent, saw a substantial rise of 9.3 per cent, totalling 251.4 thousand persons. Similarly, the number of Own-account workers, accounting for 6.5 per cent of employed graduates, grew by 13.5 per cent to 310.7 thousand persons in 2023. Meanwhile, Unpaid family workers made up the remaining 0.8 per cent recording 37.6 thousand persons in 2023.

By economic sector, most graduates were employed in the Services sector, which accounted for 77.5 per cent of graduate employment, recording 3.69 million persons. This was followed by the Manufacturing sector (13.4%) with 637.9 thousand persons and the Construction sector (6.3%) with 301.1 thousand persons. Meanwhile, the Agriculture sector (1.7%) and Mining & Quarrying sector (1.0%) comprised the remainder with 83.0 thousand persons and 46.8 thousand persons respectively.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained, "Skill-related underemployment remains a challenge, not only in Malaysia but also at the global level. Malaysia has taken significant steps to address this issue, demonstrating its commitment to aligning workforce qualifications with labour market demands. In 2023, the number of graduates working below their qualifications fell by 0.7 per cent to 1.54 million persons, bringing the graduate skill-related underemployment rate down to 32.4 per cent. This achievement places Malaysia ahead of countries such as Indonesia (44.4%), South Korea (37.4%), and Vietnam (35.0%), reflecting its efforts in reducing skill mismatches. While Malaysia still trails advanced countries like Australia (26.5 %), the United States (26.1%), and the United Kingdom (20.3%), the downward trend demonstrates its potential for further improvement" [Chart 1]

Younger individuals, particularly those aged 24 and below, often experience higher rates of underemployment as they are more likely to accept roles beneath their qualifications to gain experience, build well-constructed resumes, earn an income and secure a foothold in the labour market. Conversely, individuals aged 45 and above typically face lower underemployment rates, as their accumulated skills, experience, and professional networks position them for more appropriate and stable employment opportunities aligned with their qualifications.

Another aspect of underemployment includes graduates working less than 30 hours per week due to the nature of their jobs or insufficient work, despite being able and willing to take on additional hours. With the economy's expansion, the number of graduates experiencing time-related underemployment saw a substantial year-on-year decline of 52.5 per cent to record 35.5 thousand persons. Correspondingly, the time-related underemployment rate among graduates decreased to 0.7 per cent, down from 1.7 per cent in 2022.

Despite the national female Labour Force Participation Rate (LFPR) of 56.2 per cent in 2023, the Graduate Labour Force Participation Rate (GLFPR) for females stood higher at 83.2 per cent. Overall, the national GLFPR in 2023 was 85.7 per cent, marking an increase of 0.3 percentage points compared to 85.4 per cent in 2022. Meanwhile, GLFPR for males increased 0.5 percentage points to 88.6 per cent as compared to 88.1 per cent in 2022. At the state level, six states recorded a GLFPR higher than the national average in 2023 with Johor leading at 90.0 per cent, followed by Selangor (88.7%), W.P. Kuala Lumpur (88.1%), W.P. Labuan (87.4%), Sabah (87.0%) and W.P Putrajaya (86.0%).

Looking at the unemployment situation during the year, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Graduate unemployment rate declined by 0.3 percentage points marking a 3.4 per cent from 3.7 per cent in the previous year. Consequently, the number of unemployed graduates dropped by 4.3 per cent to 167.3 thousand persons from 174.8 thousand persons in 2022. Upon further analysis based on certification, it was noted that the number of unemployed Degree graduates dropped by 4.6 per cent to 91.6 thousand persons (2022: 96.0 thousand persons), while unemployed Diploma graduates decreased by 3.8 per cent to 75.8 thousand persons (2022: 78.8 thousand persons). Optimistically, the majority of actively unemployed graduates secure employment within the first three months as shown by the growth of 16.0 per cent in the duration of unemployment of less than three months. In contrast, graduates outside the labour force accounted for 14.3 per cent of the total graduates in 2023 due to housework/ family responsibilities (34.5%), followed by attending school/ training programme (30.6%)."

Commenting briefly on the salaries and wages received by graduates, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Higher salaries & wages were recorded for graduates in 2023 as compared to the preceding year, whereby the median monthly salaries & wages in their full-time equivalent principal occupations rose by 3.4 per cent to RM4,409 (2022: RM4,265). Notably, all three skill categories experienced positive growth with graduates in the skilled occupation category recording 3.6 per cent increase in their median monthly salaries & wages, reaching RM5,663 (2022: RM5,467). Meanwhile, the median monthly salaries & wages for the Semi-

skilled category, increased by 4.3 per cent to RM2,375 (2022: RM2,276). Similarly, the low-skilled category rose 1.9 per cent, with a median of RM1,915 (2022: RM1,880)."

All states recorded growth in the median and mean monthly salaries and wages of graduates in 2023 compared to 2022. The three states with the highest median salaries and wages for graduates were W.P. Kuala Lumpur at RM5,694, registering year-on-year growth of 8.0 per cent, followed by W.P. Putrajaya (RM4,963) with an increase of 4.4 per cent, and Selangor (RM4,792) with growth of 1.2 per cent. For the highest mean monthly salaries and wages for graduates, W.P. Putrajaya led at RM6,084, followed by W.P. Kuala Lumpur (RM5,779) and Selangor (RM5,356), recording year-on-year growth of 7.1 per cent, 4.0 per cent, and 4.7 per cent, respectively. These states serve as key economic and administrative centres and offer a concentration of high-paying jobs particularly in urbanized areas, driving strong salary growth and attracting skilled graduates. [Chart 2]

In concluding the findings of graduate statistics in 2023, the Chief Statistician said, "Despite the current global economic uncertainties, Malaysia's labour market remained resilient in 2023, supported by the ongoing implementation of the 12th Malaysia Plan, which focuses on developing a high-skilled workforce to drive economic growth. Through Budget 2024, the government continues to support students with affordable university fees and initiatives to enhance graduate employability. Looking ahead, efforts to align education with job market demands, and the integration of AI-based learning tools will ensure that future graduates are well-equipped to contribute to Malaysia's sustained economic growth and innovation."

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Tuesday, December 24th, 2024

Time series statistics and more information on the labour market can be obtained from the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) portal by visiting <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scanning the QR code below, or accessing DOSM eStatistics at <https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epLogin.seam>.



The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life.” DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.


Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
24th DECEMBER 2024**

Chart 1: Graduates skill-related underemployment of selected countries, 2023

■ Skill related underemployment rate (%)

Per cent (%)



Sources: Calculation based on ILOSTATS database, 2023

Chart 2: Graduates median and mean of salaries and wages by states, Malaysia, 2023




Chart 3: Principal statistics of graduates, Malaysia, 2022 & 2023




Chart 4: Principal statistics of graduates by certificates, Malaysia, 2022 & 2023




Chart 5: Skill-related underemployment of graduates, Malaysia, 2020 – 2023




Chart 6: Time-related underemployment of graduates, Malaysia, 2020 – 2023




Chart 7: Graduates labour force participation rate and unemployment rate, Malaysia, 2020 – 2023

